

UNTUK SIARAN SEGERA

Rumah Pegangan Bebas Sime Darby Property Mendapat Permintaan Tinggi dengan Kadar Pengambilan 72% Bagi Suasana Ainsdale

- Produk terbaru dalam Bandar Ainsdale yang berkembang maju ini berfokus pada kesejahteraan dan kemudahan;
- 36 daripada 50 buah unit Suasana Ainsdale ditempah oleh pembeli hartanah sewaktu pelancaran rasminya.

ARA DAMANSARA, 29 SEPTEMBER 2023 – Sime Darby Property Berhad (“Sime Darby Property” atau “Syarikat”) kekal maju ke hadapan dalam trajektori jualannya yang meningkat dengan kadar pengambilan 72% bagi Fasa 1 Suasana Ainsdale.

Dengan Nilai Pembangunan Kasar (“GDV”) berjumlah RM30.2 juta, rumah teres dua tingkat pegangan bebas ini merupakan tambahan kepada perbandaran Bandar Ainsdale yang semakin berkembang di Negeri Sembilan. 36 daripada 50 buah unit Suasana Ainsdale telah ditempah sewaktu pelancaran rasminya, membuktikan sekali lagi keupayaan Sime Darby Property dalam memenuhi permintaan pasaran dengan pembangunan yang berkualiti dan teratur.

“Berpusat di perbandaran Bandar Ainsdale yang tenang, Suasana Ainsdale merupakan satu lagi inisiatif Sime Darby Property untuk menawarkan pembeli aspek kesimbangan ideal antara ketenangan dan keselesaan. Suasana Ainsdale telah direka bentuk untuk menyediakan akses mudah kepada kemudahan dan fasiliti bagi para penduduk,” kata Ketua Pegawai Pemasaran dan Jualan Sime Darby Property, Datuk Lai Shu Wei.

“Sambutan yang memberangsangkan terhadap Suasana Ainsdale menunjukkan kepercayaan tidak berbelah bahagi oleh pembeli rumah kepada jenama Sime Darby Property. Kami komited untuk melangkaui jangkaan pelanggan dan menawarkan rumah yang sesuai dengan pelbagai gaya hidup di perbandaran-perbandaran terkemuka kami,” tambah Datuk Lai.

Rumah Suasana Ainsdale dilengkapi empat bilik dan tiga bilik air, dengan kawasan binaan antara 1,756 kaki persegi hingga 2,002 kaki persegi, dan harga bermula daripada RM619,888.

Setiap rumah telah direka dengan teliti yang menampilkan gaya kontemporari yang kemas. Reka bentuk rumah Suasana Ainsdale tidak lekang oleh waktu dan susun atur terbukanya yang lapang dan mudah diubah suai membolehkan rumah itu memenuhi permintaan penggunaanya di masa hadapan.

Pembangunan ini mengekalkan daya tarikan unik perbandaran dan menawarkan penduduk dengan persekitaran hidup yang sihat. Fasa 1 Suasana Ainsdale juga menyediakan taman hijau untuk menampung kemahuan para pelanggan yang ingin mengintegrasikan kesihatan dengan kehidupan sehari-hari mereka, manakala Bandar Ainsdale Lake Park seluas 11 ekar juga sedia berhampiran.

Keselamatan dan kesejahteraan penduduk terjamin kerana presint ini juga dilindungi oleh pagar perimeter dan rumah pengawal yang menjaga fasa sedia ada dan yang akan datang di Suasana Ainsdale.

Untuk kemudahan tambahan, penduduk mempunyai akses ke pusat beli-belah Seremban Gateaway dan pekan Seremban, yang terletak sedekat 5km sahaja, dan ke Kuala Lumpur melalui beberapa lebuh raya utama seperti Lebuhraya PLUS (melalui Susur Keluar 217), Lebuhraya Kajang-Seremban (“LEKAS”) dan Lebuhraya Utara Selatan Linkaran Tengah (“ELITE”).

Sime Darby Property memastikan kesemua pembangunannya dirancang dengan teliti untuk menawarkan bukan sahaja kediaman malah gaya hidup. Ini merupakan salah satu strategi yang telah membolehkan Syarikat untuk diiktiraf sebagai pemaju harta tanah yang terbaik di dunia, seperti yang dibuktikan dengan kemenangan Emas dan Perak di FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2023 di Amerika Syarikat awal tahun ini.

Didorong oleh Matlamat Syarikat sebagai Pengganda Nilai kepada Masyarakat, Perniagaan, Ekonomi dan Planet, Sime Darby Property berada di landasan yang tepat untuk merubah dari sebuah pemaju harta tanah *pure-play* kepada sebuah syarikat harta tanah menjelang 2025.

-TAMAT SIARAN-

Mengenai Sime Darby Property Berhad

Sime Darby Property adalah pemaju harta tanah terkemuka dengan reputasi cemerlang dalam membangunkan komuniti lestari selama 50 tahun. Syarikat mempunyai 24 perbandaran dan pembangunan yang aktif, serta jangkauan yang luas merangkumi aset dan operasi di seluruh negara. Sime Darby Property juga mempunyai operasi di UK melalui penglibatannya dalam konsortium Malaysia dalam projek pembangunan Battersea Power Station di London.

Sebagai syarikat yang bertanggungjawab, Sime Darby Property, bersama Yayasan Sime Darby (YSD) secara aktif melancarkan pelbagai program untuk membantu pihak berkepentingan yang memerlukan di kawasan perbandarannya di seluruh negara. Sebagai syarikat harta tanah yang cemerlang di peringkat antarabangsa dan tempatan, Sime Darby Property diiktiraf sebagai konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sime Darby Property berbangga dikenali sebagai pemenang pelbagai anugerah dalam industri harta tanah. Pada tahun 2021, Syarikat terus diiktiraf sebagai pemaju harta tanah terkemuka untuk kali kesepuluh berturut-turut dalam anugerah ‘The Edge Malaysia’s Top Property Developers Awards’. Sime Darby Property juga telah dinobat sebagai ‘EdgeProp Malaysia’s Responsible Developer: Building Sustainable Development Award 2021’, serta pemenang bagi anugerah ‘Building Trust Awards 2021’ PwC di bawah kategori indeks FBM Mid 70.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.simedarbyproperty.com
Kontak Media: Adela Megan Willy | +6017-604 5562 | adela.megan@simedarbyproperty.com
Untuk pertanyaan lanjut, sila emel: group.communications@simedarbyproperty.com